

04/08/2005

Najib-Rafidah

RAFIDAH BERI PENJELASAN MINGGU DEPAN - NAJIB

PEKAN, 4 Ogos (Bernama) -- Datuk Seri Najib Tun Razak berkata Datuk Seri Rafidah Aziz akan memberi penjelasan "apa saja yang dikehendaki kabinet" berhubung isu Permit Import (AP) pada mesyuarat kabinet minggu depan.

Timbalan Perdana Menteri berkata Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri itu, yang sepatutnya membuat penjelasan berhubung perkara berkenaan dalam mesyuarat kabinet semalam, tidak dapat hadir atas sebab kesihatan.

"Datuk Seri Rafidah Aziz tak dapat hadir dalam mesyuarat jemaah menteri semalam kerana urusan kesihatannya yang perlu dikendalikan juga.

"Saya difahamkan bahawa minggu depan Datuk Seri Rafidah Aziz akan hadir dalam mesyuarat, segala penjelasan yang diperlukan kabinet akan dibincangkan dalam mesyuarat itu," katanya kepada pemberita selepas menghadiri majlis taklimat pembangunan daerah Pekan di sini hari ini.

Turut hadir Menteri Besar Datuk Seri Adnan Yaakob.

Najib yang juga anggota parlimen Pekan berkata menteri berkenaan ada menghubunginya semalam bagi memaklumkan ketidakhadirannya atas sebab kesihatan.

Semalam, mesyuarat Jemaah Menteri yang dipengerusikan Najib tidak membincangkan isu berkenaan berikutan Rafidah tidak hadir.

Ketua Setiusaha Negara Tan Sri Samsuddin Osman dipetik sebuah akhbar sebagai berkata Rafidah cuti sakit untuk beberapa hari kerana mengalami bengkak kaki.

Sabtu lepas, Najib berkata kabinet akan meminta Rafidah memberikan pandangannya berhubung perkara yang ditimbulkan bekas Perdana Menteri Tun Dr Mahathir Mohamad baru-baru ini mengenai pengeluaran AP.

Dr Mahathir yang juga penasihat Proton sebelum ini mendakwa Rafidah tidak membuat kenyataan benar kepada para perwakilan pada perhimpunan agung Umno lepas berhubung isu AP.

-- BERNAMA

MS RON